

## Penjagaan pesakit yang hendak membunuh diri

Sebab-sebab pesakit ingin membunuh diri:

Keadaan yang tidak sesuai seperti perasaan kesunyian, perhubungan yang tidak harmonis di antara ahli-ahli keluarga.

Keadaan di mana pesakit ada banyak masalah yang tidak boleh dihadapi atau tidak boleh diselesaikan.

Masa genting kehidupan atau “critical points of life” seperti kehilangan sesuatu yang sangat disayangi misalnya kematian ibu bapa.

Delusi di mana pesakit merasa tiada nilai, dosa dan sebagainya.

Halusinasi di mana pesakit dengar suara-suara menyuruhnya membunuh diri.

Rawatannya:

- i. Bercakap-cakap dengan pesakit dan dengar baik-baik supaya dapat tahu perasaannya serta sebab apa dia ingin membunuh diri.
- ii. Kalau pesakit memberitahu dia cadang membunuh diri, tanya tentang keadaan pesakit ini melalui laporan, nota-nota atau mesyuarat.
- iii. Memberitahu semua kakitangan wad tentang keadaan pesakit ini melalui laporan, nota-nota atau mesyuarat.
- iv. Menentukan keadaan wad dan sekelilingnya adalah selamat.
- v. Rawatan psikoterapi dan ubat-ubat mesti diberikan.
- vi. Pesakit mesti diperhatikan melalui “suicidal caution chart” (S.C.C.)
- vii. Semua ancaman pesakit membunuh diri mesti diambil dengan seriusnya.
- viii. Perhatian khas mesti diberikan kepada pesakit yang telah dapat rawatan “electro-convulsive therapy” atau dalam masa dia sedang sembuh kerana itulah masa pesakit akan membunuh diri.